

Selangor sedia tapak bina IPT

Kerajaan kenal pasti 1,000 hektar di Bestari Jaya untuk direbut mana-mana pihak berminat buka institusi pengajian tinggi

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor menyediakan tapak seluas 1,000 hektar di Bestari Jaya yang dulu dikenali Batang Berjuntai di Kuala Selangor kepada pihak yang berminat membina pusat pengajian tinggi di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Sukan dan Pembangunan Insan negeri, Datuk Ahmad Nawawi M Zain, berkata penyediaan tapak itu membuktikan sokongan penuh kerajaan kepada pihak yang mahu

menubuhkan pusat pengajian tinggi di negeri itu.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan jika ada pihak ingin melabur membuka institusi pengajian tinggi swasta di negeri ini dan kita menyediakan tanah seluas 1,000 hektar di Bestari Jaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika wawancara secara langsung radio Selangorfm pada majlis pelancaran program baru stesen radio RTM itu untuk tahun ini di sini.

Ahmad Nawawi berkata, untuk tahun ini kerajaan negeri mahu mem-

“Selain Asia Barat, kita mensasarkan menarik lebih ramai pelajar asing terutama dari China dan Indonesia”

Ahmad Nawawi M Zain
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Pendidikan, Sukan dan
Pembangunan Insan Selangor

beri tumpuan kepada usaha mengantarabangsakan universiti dan kolej di negeri itu bagi menarik lebih ramai pelajar asing terutama daripada Asia Barat.

Beliau berkata, dengan jumlah sekitar 300 universiti dan kolej swasta, negeri itu mampu memperoleh banyak keuntungan berikutan peningkatan kedatangan pelancong asing setiap kali diadakan majlis konvokeyen.

Katanya, kebiasaannya pelajar yang datang menyambung pelajaran adalah di kalangan keluarga berpendapatan

tinggi, sekali gus memberi keuntungan kepada sektor pelancongan negara.

"Selain Asia Barat, kita mensasarkan menarik lebih ramai pelajar asing terutama dari China dan Indonesia," katanya.

Sebahagian besar universiti awam tersohor terletak di Selangor seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Industri Selangor (Unisel) selain cawangan universiti antarabangsa dan kolej swasta terkenal lain.